

Untuk Siaran Segera

26 Februari 2020

UEM Edgenta Catat Prestasi Kukuh pada Q4, Keuntungan Seluruh Tahun Meningkatkan 23%

- **Pendapatan dan Keuntungan Bersih TK2019 meningkat sebanyak 10.5% dan 23.4% berdasarkan T-k-T** kepada RM2.4 bilion dan RM188.0 juta bukti Syarikat kukuh walaupun dalam keadaan pasaran yang mencabar;
- **Isytihar dividen interim kedua sebanyak 8 sen**, sekaligus menjadikan jumlah keseluruhan pembayaran dividen sebanyak 14 sen bagi TK2019;
- Penyelesaian teknologi untuk memacu pertumbuhan jangka panjang dalam pasaran baharu dan sedia ada.

Kuala Lumpur, 26 Februari – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), peneraju Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur di rantau ini mengumumkan keputusan kewangan yang belum diaudit bagi suku keempat (“Q4”) dan tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2019 (“TK2019”), menyaksikan Syarikat mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM188.0 juta berbanding RM152.4 juta pada TK2018, di sini pada hari ini.

Dato’ Azmir Merican, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta berkata, “Saya gembira kerana kami terus mencatatkan pertumbuhan melalui kemenangan kontrak baharu yang signifikan berjumlah lebih daripada RM900 juta dalam bahagian *Healthcare Support* di Singapura dan mencapai keputusan yang diinginkan meskipun berhadapan dengan persekitaran operasi yang mencabar pada tahun lalu”.

“Pelaburan kami dalam proses penambahbaikan, teknologi dan kecermelangan operasi telah menghasilkan keupayaan Syarikat mengatasi peningkatan kos dalam perkhidmatan, meningkatkan kecekapan operasi dan mengunjurkan penjimatan kos terbukti penting dalam menjadikan sesebuah organisasi lebih cekap dan berdaya tahan. Bagi mengorak langkah untuk maju ke hadapan, keutamaan akan kami berikan untuk menyediakan penyelesaian berasaskan teknologi, terutamanya bagi menembusi pasaran baharu dan juga sedia ada dengan penyelesaian tersuai yang menawarkan IoT masa nyata dan analisis data untuk mengoptimalkan pengurusan aset,” tambah beliau.

Keputusan Q4 TK2019

Syarikat mencatatkan pendapatan sebanyak RM712.3 juta untuk Q4 TK2019; 21.2% lebih tinggi berbanding suku sebelumnya pada RM587.6 juta dan 10.0% lebih tinggi bagi tahun ke tahun (“T-k-T”) berbanding RM647.4 juta pada suku yang sama TK2018. PBT untuk Q4

TK2019 sebanyak RM126.3 juta; peningkatan hampir lima kali ganda sebanyak RM25.9 juta berbanding suku sebelumnya dan juga lebih tinggi berbanding Q4 TK2018 sebanyak RM83.1 juta.

Keputusan & Prestasi Keseluruhan TK2019

Kedua-dua segmen perniagaan Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur UEM Edgenta mencatatkan pendapatan dan pertumbuhan keuntungan bagi tahun ini, dengan pendapatan sebanyak RM2.4 bilion dan PBT sebanyak RM245.0 juta yang mewakili peningkatan T-k-T sebanyak 10.5% dan 23.4% berbanding RM2.2 bilion dan RM198.5 juta pada TK2018. Pada TK2019, Syarikat juga telah merekodkan keuntungan sebanyak RM32.7 juta untuk penyelesaian pembayaran terakhir projek di Abu Dhabi.

Bahagian *Healthcare Support* Syarikat mencatatkan pertumbuhan T-k-T sebanyak 15.0% kepada RM1.1 bilion untuk pendapatan keseluruhan tahun, disumbangkan menerusi kontrak baharu yang diperoleh daripada tender di Singapura bagi menyediakan perkhidmatan sokongan bukan klinikal untuk kontrak hospital-hospital Kementerian Kesihatan Singapura yang dikelompokkan semula. Sementara itu, bahagian *Property & Facility Solutions* ("PFS") Syarikat telah mencatatkan tahun yang memberangsangkan dengan lonjakan PBT kepada RM30.5 juta pada TK2019, peningkatan sebanyak 66.5% berikutan sedikit peningkatan dalam pendapatan daripada margin yang lebih baik.

Meskipun berhadapan dengan persekitaran operasi yang mencabar, bahagian *Infrastructure Services* UEM Edgenta mampu mencatatkan prestasi yang baik dari segi pendapatan dan PBT, masing-masing mencatatkan peningkatan T-k-T sebanyak 3.8% dan 30.5%. Bahagian *Asset Consultancy* juga mencapai tahun yang lebih baik dengan peningkatan pendapatan sebanyak 15.6% dan peningkatan PBT sebanyak 17.8% dalam tempoh yang sama.

Lembaran imbangan TK2019 Syarikat kekal kukuh dengan baki tunai dan bank sebanyak RM621.0 juta untuk penutup TK2019, berbanding RM603.5 juta dalam TK2018. Ini disebabkan oleh aliran tunai yang kukuh daripada operasi sebanyak RM215.3 juta dalam TK2019. Syarikat terus mengekalkan nisbah gearan kasar yang rendah pada 0.33x dan berada dalam kedudukan positif hutang bersih sebanyak RM97.3 juta. Pulangan ke atas ekuiti meningkat kepada 11.8% berbanding 9.6% pada TK2018 berikutan peningkatan keuntungan Syarikat.

Dividen untuk TK2019

Syarikat juga mengisytiharkan dividen interim ke-2 sebanyak 8 sen sesaham untuk TK2019. Dengan tambahan dividen interim pertama sebanyak 6 sen sesaham, menjadikan jumlah keseluruhan pembayaran dividen TK2019 sebanyak 14 sen. Ini mewakili hasil 5.4% pada tempoh 12 bulan, berdasarkan harga penutupan saham sebanyak RM2.58 pada 25 Februari 2020. Jumlah pembayaran dividen 14 sen bagi TK2019 mewakili nisbah pembayaran dividen daripada 64% keuntungan selepas cukai dan kepentingan tidak mengawal ("PATANCI") sebanyak RM181.8 juta untuk TK2019, selaras dengan polisi pembayaran dividen Syarikat sekurang-kurangnya di antara 50% dan sehingga 80%.

Jangkaan untuk TK2020

UEM Edgenta menutup tirai TK2019 dengan mencatatkan *orderbook* yang kukuh merentasi seluruh bahagian perniagaannya dengan RM13.2 bilion *work-in-hand* pada akhir TK2019. Syarikat telah memperolehi lebih daripada RM900 juta kontrak baharu dengan hospital-hospital Kementerian Kesihatan Singapura yang dikelompokkan semula, di mana kira-kira RM650 juta menerusi hospital-hospital baharu yang bukan di bawah seliaannya untuk tempoh sehingga lima tahun dan pembaharuan tempoh kontrak untuk lima tahun akan datang. Di samping itu, bahagian *Asset Consultancy* terus menumpukan kepada projek perundingan pengurusan infrastruktur jalan untuk kepentingan sosioekonomi di Malaysia Timur, iaitu projek Rangkaian Jalan Pesisir Sarawak dan Jalan Utama Kedua di Sarawak.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Dikeluarkan oleh **UEM Edgenta Berhad**; Hubungi Hafiz Noor (hafiznoor@edgenta.com / 019 424 8283); atau Juliana Jamaluddin (juliana_jamaluddin@edgenta.com / 012 340 9438)